

**PARLIMEN
MALAYSIA**

DEWAN RAKYAT

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEDUABELAS 2010**

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab
Lisan Harian Yang Tidak Dapat
Dijawab Dalam Dewan Rakyat Daripada
Kementerian**

HARIISNIN: 29 NOVEMBER 2010

**CAWAIMGAN
PERUIMDANGAN PARLIMEN
MALAYSIA.**

KANDUNGAN

1

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN
(SOALAN NO. 2,10 HINGGA 43)

NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1,3 HINGGA 9 [RUJUK

PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

SIDEK
CAW. PERUNDANGAN
PARLIMEN
MALAYSIA

PEMBER1TAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA Y.B. KULASEGARAN A/L MURUGESON

[IPOH BARAT]

TARIKH 29 NOVEMBER 2010

SOALAN:

Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [Ipoh Barat] minta PERDANA MENTERI menyatakan

- (a) mengapa majoriti masyarakat Malaysia masih belum menggunakan pengangkutan awam; dan**
- (b) adakah pengangkutan awam di negara ini akan menjamin keselamatan orang awam, mengambil kira kebajikan masyarakat dan efisiensi.**

YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI AZIZ

JAWAPAN:

MENTERI PI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua,

Pada masa kini, kecenderungan masyarakat Malaysia lebih selesa memilih pemanduan kenderaan persendirian dari menaiki kenderaan awam. Ini dibuktikan dengan kajian oleh Pemandu bahawa statistik “modal split” (dengan izin) atau nisbah peratusan pengguna pengangkutan awam berbanding pengangkutan persendirian di Malaysia ialah 12% pada tahun 2009 berbanding 70% di sesetengah bandaraya seperti Hong Kong dan Singapura.

Antara faktor-faktor yang menyebabkan keadaan berikut adalah:

- a) kapasiti infrastruktur pengangkutan awam seperti aliran transit ringan dan perkhidmatan bas “feeder” yang sedia ada tidak cukup untuk menampung keperluan pengguna yang semakin meningkat. Contohnya, bandaraya-bandaraya besar seperti London, Hong Kong dan Singapura biasanya mempunyai nisbah jajaran rel kepada penduduk sebanyak 40km bagi setiap satu juta penduduk. Akan tetapi bagi Kuala Lumpur, nisbahnya kurang 20km bagi setiap satu juta penduduk,

b) infrastruktur yang tidak bersepadu sepenuhnya, kurang efisien.

Rangkaian perkhidmatan pengangkutan awam yang tidak berintegrasi dan mempunyai akses yang mudah menyukarkan rakyat untuk membuat pilihan untuk menjadikan pengangkutan awam darat sebagai pilihan utama.

Kerajaan telah mengambil langkah untuk menambahbaikkan pengangkutan awam di Malaysia seperti:

a) Menjadikan pengangkutan awam sebagai satu Bidang Keberhasilan Utama Nasional (NKRA) dengan sasaran untuk menaikkan modal split kepada 25% pada penghujung tahun 2012 dan melampaui 40% pada tahun 2020.

b) Menubuhkan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) sebagai agensi kerajaan induk untuk merancang, merangka dasar, mengawalselia dan menguatkuasa undang-undang yang berkaitan dengan pengangkutan awam darat.

Keselamatan dan kebajikan masyarakat akan lebih terjaga dengan penetapan piawai tahap perkhidmatan (performance standards) dan

syarat pelesenan ke atas pengendali-pengendali perkhidmatan awam yang akan merangkumi semua aspek perkhidmatan termasuk keselamatan penumpang, kadar tambang dan efisiensi perkhidmatan. Jika piawai tahap perkhidmatan ini tidak dicapai, pengendali tersebut boleh dikenakan tindakan di bawah peruntukan undang-undang yang sedia ada.

Sekian. Terima kasih.

Soalan No : 10

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN
DARIPADA**

**LISAN
Y.B. TUAN HAJI AHMAD BIN KASIM
(KUALA KEDAH)**

TARIKH

29.11.2010

SOALAN:

Y.B. TUAN HAJI AHMAD BIN KASIM [KUALA KEDAH] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah dasar yang digubal oleh Kementerian bagi mencapai bentuk sekolah 1 Malaysia, yang mana kini masih wujud sekolah berasaskan kaum.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) berpandangan idea untuk menyeragamkan sistem persekolahan dengan cadangan memperkenalkan sistem pendidikan satu aliran memerlukan perbincangan yang lebih khusus dan perlu mendapat pandangan dan persetujuan daripada pelbagai pihak.

Walau bagaimanapun, bagi mencapai matlamat gagasan 1 Malaysia, pelbagai usaha telah dan sedang dilakukan oleh pihak KPM. Melalui Dasar Pendidikan Kebangsaan, KPM telah melaksanakan beberapa strategi iaitu:

- Menggunakan kurikulum Kebangsaan di semua sekolah dalam sistem pendidikan kebangsaan;
- Menjadikan Bahasa Kebangsaan bahasa pengantar utama di semua institusi pendidikan;

- PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**
- Memastikan Bahasa Kebangsaan diajar di institusi yang bahasa pengantar utama bukan Bahasa Kebangsaan;
 - Menjadikan mata pelajaran Sejarah sebagai mata pelajaran teras dan wajib lulus di peringkat menengah;
 - Memperkukuhkan pengajaran Bahasa Melayu di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT);
 - Melaksanakan pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan;
 - Mengadakan pengajaran Bahasa Etnik di sekolah jika didapati munasabah dan praktik berbuat demikian serta jika ibu bapa sekurang- kurangnya 15 orang murid di sekolah itu memintanya; dan
 - Memastikan setiap aktiviti kokurikulum mengikut komposisi kaum.

Di samping itu, KPM telah menawarkan mata pelajaran Bahasa Cina dan Bahasa Tamil bagi menarik pelbagai kaum untuk bersekolah di Sekolah Kebangsaan; memperkenalkan program Sekolah Wawasan yang menempatkan dua atau tiga aliran sekolah rendah di dalam satu kompleks; dan juga melaksanakan program Program Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP) yang merupakan program yang melibatkan pelaksanaan aktiviti secara bersama di antara sekolah pelbagai aliran agar nilai integrasi dan semangat perpaduan kaum dapat dipupuk dalam kalangan murid sekolah.

KPM juga sentiasa berusaha menyediakan kemudahan pendidikan yang sempurna dan mencukupi mengikut keperluan dan keutamaan semua kaum bersesuaian dengan konsep 1 Malaysia. Pada masa yang sama, KPM melihat kepada aspek yang menyeluruh dalam pembangunan pendidikan negara dan tidak hanya melihat kepada satu jenis sekolah atau satu kawasan tertentu sahaja. Selaras dengan itu, KPM mengutamakan pembinaan sekolah kebangsaan sebagai sekolah aliran perdana bagi memenuhi keperluan murid dan ibu bapa pelbagai kaum serta memupuk perpaduan sejak awal persekolahan.

Rjm 93

**PERTANYAAN
DARIPADA
TARIKH
SOALAN**

JAWAB LISAN

**TUAN HASBI BIN
HABIBOLLAH 29 NOVEMBER**

Tuan Hasbi bin Habibollah [Limbang] minta MENTERI
PENGAJIAN TINGGI menyatakan dapatkah Kerajaan menubuhkan
sebuah kolej di kawasan Limbang sama ada institusi kemahiran
atau vokasional memandangkan keadaan geografi Limbang yang
berada di antara dua daerah negara Brunei Darussalam amatlah
menyulitkan untuk keluar negara dengan perlunya memiliki
pasport dan kos perjalanan yang tinggi sedangkan ramai
golongan yang memerlukan institusi kemahiran atau vokasional
ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah tempoh *rolling plan* pertama RMKe-10 (2011-2012), tiada projek baru diluluskan kepada Kementerian Pengajian Tinggi untuk membina politeknik dan kolej komuniti baru di seluruh negara termasuk di Limbang, Sarawak.

No. 12

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

**YB DR. RAM AS AMY AIL P ALAN IS
AMY [BATU KAWAN]**

**TARIKH JAWAPAN
DI DEWAN RAKYAT**

29 NOVEMBER 2010

SOALAN

NO. 12

SOALAN

Minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan adakah Tenaga Nasional Berhad cuai dalam insiden kebakaran kabel elektrik bervoltan tinggi di Jambatan Pulau Pinang baru-baru ini yang telah mengakibatkan kesesakan lalu lintas yang serius kerana tidak menjalankan pemeriksaan dan penyelenggaraan kabel-kabel dari semasa ke semasa.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Berdasarkan penyiasatan yang dilaksanakan oleh Suruhanjaya Tenaga (ST) dan Tenaga Nasional Berhad (TNB), insiden kebakaran kabel elektrik yang berlaku di atas Jambatan Pulau Pinang pada 11 September 2010 adalah disebabkan tiga kabel yang menghubungkan Bukit Tengah ke Gelugor, Bukit Tengah ke Bayan Baru 2 dan Bukit Tengah ke Bayan Baru 1 mengalami kebakaran.

Berdasarkan penemuan bukti-bukti di tempat kejadian, punca kebakaran tersebut adalah disebabkan oleh sumber api luaran yang membakar kabel. Kejadian ini menyebabkan gangguan bekalan elektrik selama 2 hingga 3 minit di kawasan yang mendapat bekalan melalui Pencawang Masuk Utama (PMU) Gelugor 132/33 kV dan PMU Bayan Baru 132/33/11 kV. Kejadian ini turut menyebabkan kesesakan lalu lintas di Jambatan Pulau Pinang. Pihak TNB telah berjaya memulihkan bekalan elektrik kepada para pengguna dalam tempoh 2 hingga 3 minit.

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Berdasarkan rekod penyenggaraan TNB, ujian dan pemeriksaan dilaksanakan mengikut jadual berdasarkan *Transmission Asset Maintenance Guidelines*, dengan izin seperti yang ditetapkan. Antara penyenggaraan yang dilaksanakan ke atas kabel tersebut adalah:

- i. rondaan laluan kabel diadakan setiap hari;
- ii. pemeriksaan secara fizikal dan pembersihan dilaksanakan dalam tempoh 3 bulan sekali dan tarikh akhir pemeriksaan adalah pada 28 Julai 2010; dan
- iii. *partial discharge test*, dengan izin dilaksanakan setiap 6 bulan sekali dan tarikh akhir pelaksanaan adalah pada 19 Mac 2010.

Kementerian bersama Suruhanjaya Tenaga akan memastikan pihak TNB sentiasa melaksanakan pemeriksaan dan penyelenggaraan mengikut jadual ke atas kabel bervoltan tinggi agar gangguan sebegini dapat dikurangkan dan tidak berulang lagi.

SOALAN NO. 13

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARI PADA

DATO' LILAH BIN YASIN [JEMPOL]

TARIKH

29 NOVEMBER 2010 (ISNIN)

SOALAN:

Dato' Lilah bin Yasin [Jempol] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan berapakah bilangan Perpustakaan Bergerak yang ada dan berapa peratus kawasan perumahan yang padat penduduk disediakan dengan kemudahan ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Perkhidmatan Perpustakaan Bergerak di Malaysia lazimnya disediakan kepada penduduk di kawasan luar bandar yang tidak mempunyai kemudahan perpustakaan dan jauh daripada bangunan perpustakaan sedia ada. Perkhidmatan ini juga disediakan kepada semua golongan masyarakat merentasi kawasan estet/perladangan, 'kampung bam' dan kawasan terpencil yang mempunyai kemudahan jalan raya. Hasrat murni Kerajaan ini adalah untuk membangunkan

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

sosio ekonomi masyarakat setempat dalam usaha mencapai pembangunan modal insan kelas pertama iaitu mewujudkan masyarakat berilmu dan bermaklumat serta menyemai budaya membaca.

Berdasarkan kepada statistik Perpustakaan Negara Malaysia, terdapat sebanyak 91 buah perpustakaan bergerak di Malaysia dengan bilangan perhentian sebanyak 1,626 kawasan di seluruh negeri.

Kerajaan tidak mempunyai maklumat tepat mengenai peratusan kawasan yang padat penduduk yang disediakan kemudahan perpustakaan bergerak. Bagaimanapun, kemudahan perpustakaan bergerak disediakan sebagai pelengkap kepada perkhidmatan perpustakaan desa supaya masyarakat yang tinggal di kawasan terpencil dapat memperolehi bahan bacaan dengan percuma. Kerajaan tidak berhasrat menambah perkhidmatan perpustakaan bergerak yang sedia ada kerana kos penyelenggaraannya tinggi dan akan diganti dengan projek Perpustakaan Desa.

PEMBERITAH
UAN
PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

Mh *m* -

**PERTANYAAN
DARIPADA**

**LISA
N**

PUAN TERESA KOK SUH SIM

TARIKH

**SEPUTE
H**

**NO. SOALAN
KAWASAN**

29.11.2010 (iSNIN

) ICJ,

**Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM minta MENTERI
PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan
kenapakah Kerajaan tidak membenarkan pelabur asing untuk
menubuhkan kilang dan mengeluarkan kereta di Malaysia secara
bebas. Nyatakan sebab dasar pemberian AP bagi pengimportan
kereta dan Dasar Automobil Negara.**

Jawapan

Tuan Yang Di Pertua,

**Pelabur asing adalah dibenarkan untuk menubuhkan kilang dan
mengeluarkan kenderaan di Malaysia sama seperti rakyat
Malaysia. Ini adalah jelas dalam pelaksanaan kajian semula Dasar**

Automotif Nasional (NAP) mulai 1 Januari 2010 di mana tiada syarat ekuiti dikenakan ke atas Lesen Pengilang baru yang dikeluarkan bagi segmen-segmen automotif yang mana pembekuan ditarik balik, iaitu:

kereta mewah berkapasiti enjin 1,800 c.c. dan ke atas dengan harga atas jalan tidak kurang daripada RM150.000;

kenderaan hibrid dan elektrik;

kenderaan jenis *pick up*;

kenderaan perdagangan; dan

motosikal berkapasiti enjin 200 c.c. dan ke atas.

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, dasar pemberian Lesen import (AP) Terbuka diperkenalkan pada tahun 1970, selaras dengan Dasar Ekonomi Baru, untuk menggalakkan usahawan Bumiputera bergiat dalam sektor automotif. Kerajaan juga telah memperkenalkan AP Francais pada tahun 1997 bagi memenuhi komitmen pembukaan pasaran automotif.

Dasar AP telah banyak membantu peniaga Bumiputera dalam industri kereta negara di mana syarikat-syarikat pemegang AP telah berjaya meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam aktiviti pengimportan dan pengedaran kenderaan import. Di samping itu, syarikat-syarikat berkenaan juga telah mempelbagaikan aktiviti dalam sektor automotif yang lain seperti pemasangan kereta dan motosikal, pemasangan dan bina semula kenderaan perdagangan terpakai dan pengeluaran minyak pelincir. Kebanyakan syarikat-syarikat tersebut juga turut menjadi wakil pengedar kenderaan-kenderaan baru jenama Honda, Toyota, BMW, Mercedes Benz,

**Proton dan Perodua.
Tuan Yang Di Pertua,**

Seperti yang Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, di bawah kajian semula NAP, Kerajaan telah memutuskan bahawa dasar AP Terbuka akan dimansuhkan menjeiang 31 Disember 2015, manakala dasar AP Francais pula akan dimansuhkan pada 31 Disember 2020.

PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN FERTANYAAN PEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

DARIPADA :Dato' Sri Ir. Mohd Zin Mohamed

[Sepang]

TARIKH : 29 November 2010

SOALAN

Dato' Sri Ir. Mohd Zin Mohamed minta MENTERIPERTANIAN DAN INDUSTRI AS AS TANI menyatakan apakah usaha Kerajaan di dalam mempelbagaikan produk pertanian Negara dan meningkatkan hasil tanaman memandangkan kita kini sudah jauh ketinggalan berbanding Negara-negara lain terutama Thailand dan Indonesia dalam pengeluaran bahan makanan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dalam mempelbagaikan produk pertanian Negara dan meningkatkan hasil tanaman adalah melalui:

1. Projek Berimpak Besar (*High Impact Project*)

SOALAN NO: 16

Projek Berimpak Besar (*High Impact Project*) yang merangkumi Pusat Fidlot Negara, Zon Industri Akuakultur (ZIA), Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), Ladang Kontrak dan Pembangunan Usahawan Industri Asas Tani telah dilaksanakan bertujuan untuk meningkatkan pengeluaran dan produktiviti bagi sektor tanaman, ternakan dan perikanan.

Penerokaan Pertanian Bernilai Tinggi

Penerokaan pertanian bernilai tinggi akan diperkukuh dan diperluaskan dengan memberi tumpuan kepada industri sarang burung walit, akuakultur, rumpai laut, ikan hiasan, herba dan rempah ratus, cendawan, florikultur, buah-buahan dan sayur-sayuran organik serta produk berfungsi berkaitan. Produk-produk pertanian bernilai tinggi ini akan terus dibangunkan menerusi pembangunan kluster dinamik pertanian bernilai tinggi, pengukuhan R&D dan inovasi, penyelarasan peraturan dan prosedur, pengukuhan pasaran, penawaran pembiayaan serta penggalakan kepada penyertaan pertubuhan peladang dan nelayan serta koperasi.

Peningkatan Pengeluaran Dan Produktiviti

Pengeluaran produk-produk pertanian akan terus ditingkatkan melalui amalan pertanian yang baik dengan penggunaan tanah secara optimum, peningkatan produktiviti tanah dan pekerja serta pengurangan kos pengeluaran.

Pengukuhan Rantaian Bekalan Agromakanan

Sistem rantaian bekalan agromakanan yang lebih terangkum akan dikukuhkan dengan penglibatan Kerajaan, swasta serta kumpulan sasar melalui pembangunan kluster dinamik yang meliputi aktiviti di sepanjang rantaian bekalan. Selain itu, Sistem penjejakan agromakanan yang merangkumi pengeluaran makanan dari ladang ke pengguna (*farm to table*) juga akan dilaksanakan. Pemasaran dan promosi hasil dan produk tempatan serta pembangunan produk halal juga akan dipermantapkan.

Peningkatan Pembangunan Teknologi dan Inovasi

Teknologi dan inovasi berhubung dengan pengendalian, pembungkusan dan pengangkutan produk akan dibangunkan bagi memastikan tahap kualiti produk terjamin untuk pasaran global. Bagi ramuan makanan dan makanan fungsian, teknologi untuk mengekstrak bahan bioaktif yang melibatkan

proses seperti fermentasi, mekanikal dan imersi juga akan dibangunkan. Satu pelan teknologi dan inovasi nasional untuk pelbagai jenis produk yang berasaskan citarasa makanan Asia mengikut pasaran yang dikenalpasti akan disediakan.

6. Penglibatan Pihak Swasta Sebagai Pemacu Pertumbuhan

Penglibatan pihak swasta akan ditingkatkan menerusi galakan pelaburan untuk peningkatan kapasiti pengeluaran dan sistem pengeluaran berteknologi tinggi. Pihak swasta juga digalakkan untuk menubuhkan konsortium atau syarikat peneraju bagi mengendalikan pengeluaran dan pemasaran untuk kumpulan sasaran melalui ladang kontrak dan pakatan strategik di samping melaksanakan perkongsian Awam-Swasta dalam menyediakan infrastruktur dan khidmat sokongan bagi menambah hasil dan produk kumpulan sasaran.

Melalui pelaksanaan usaha-usaha ini, pengeluaran produk agromakanan akan ditingkatkan di samping turut dapat mengurangkan kebergantungan import. Walau bagaimanapun, peningkatan pengeluaran hanya dilaksanakan bagi jenis produk yang mana kos pengeluarannya adalah kompetitif supaya pengeluaran berterusan dapat ditingkatkan tanpa melibatkan bayaran subsidi oleh Kerajaan dan pihak pengguna tidak dibebankan dengan membayar harga yang tinggi.

DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN LISAN PERTANYAAN LISAN

DARI PADA : TUAN KARPAL SINGH [BUKIT GELUGOR]

SOALAN

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk menguatkan tindakan terhadap perniagaan 'wildlife' yang tidak sah memandangkan perniagaan 'wildlife' yang banyak di negara ini.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan amat prihatin terhadap perniagaan hidupan liar yang tidak sah di negara ini. Sehubungan dengan itu, Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) telah mengambil beberapa langkah untuk menangani perniagaan 'wildlife' yang tidak sah. Di antara

langkah-langkah yang diambil adalah:

- i. Mewujudkan pengkalan data peniaga berlesen hidupan liar di setiap negeri di Semenanjung Malaysia dan membuat pemeriksaan berjadual ke premis perniagaan tersebut bagi memastikan peniaga mengikuti syarat lesen yang ditetapkan. Stok hidupan liar yang tidak sah akan dirampas dan peniaga dikenakan tindakan sewajarnya;
- ii. Mempertingkatkan aktiviti risikan bagi mendapat lebih banyak maklumat dari orang ramai mengenai kegiatan perniagaan haram hidupan liar;
- iii. Mengukuhkan peranan skuad khas *Wildlife Crime Unit* (WCU) untuk menjalankan pemeriksaan ke premis yang dipercayai terlibat dengan kegiatan perniagaan hidupan liar haram;
- iv. Mengadakan kerjasama dengan agensi -agensi penguatkuasaan yang lain dalam menguatkuasaan perundangan hidupan liar; dan
- v. Mewujudkan kerjasama dua hala dengan negara jiran seperti Thailand dan juga ASEAN-WEN dalam pencegahan penyeludupan hidupan liar di sempadan negara termasuk mempertingkatkan aktiviti pertukaran maklumat risikan dan *capacity building* dalam aktiviti penguatkuasaan.

Sekian, terima kasih.

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARI PADA

TUAN CHONG CHIENG JEN [

SOALAN NO. 17

BANDAR KUCHING]

TARIKH

29 NOVEMBER 2010 (ISNIN)

SOALAN:

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan apakah kriteria dan syarat yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia untuk pengeluaran lesen operasi radio dan TV. Apakah langkah Kerajaan supaya radio dan TV yang dimiliki oleh Kerajaan terus beroperasi secara profesional dan bebas dari pengaruh dan unsur-unsur politik.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pelaksanaan perkhidmatan radio dan televisyen adalah tertakluk kepada keperluan Lesen Individu Pemberi Perkhidmatan Aplikasi Kandungan yang akan dikeluarkan mengikut peruntukan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM).

Diantara kriteria-kriteria asas yang akan dipertimbangkan dalam penilaian permohonan lesen adalah kemampuan kewangan pemohon, sasaran pasaran, pelan perniagaan yang utuh dan

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

mantap, kawasan liputan yang meluas, pihak pengurusan yang berpengalaman dan yang berwibawa dan jenis kandungan yang bakal disediakan.

Antara syarat-syarat ini dikenakan terhadap pemegang lesen Pemberi Perkhidmatan Aplikasi Kandungan termasuk syarat untuk:-

- a) Memastikan semua kandungan yang disiarkan memenuhi kehendak Akta Penapisan Filem 2002, Kod Kandungan serta Arahan dan Garispanduan yang dikeluarkan dari masa ke semasa;**
- b) Menyediakan kandungan tempatan dan kandungan di dalam Bahasa Malaysia;**
- c) Menyediakan pesanan khidmat masyarakat (*Public Service Announcements*);**
- d) Larangan terhadap kandungan yang tidak sesuai untuk tontonan masyarakat tempatan yang berbilang kaum dan agama.**

SOALAN NO. 17

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

**Y.B. TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK
(SIK)**

TARIKH

29.11.2010

SOALAN:

Y.B. TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK [SIK] minta Menteri Pelajaran menyatakan penyambungan Kontrak Pegawai Tinggi Kementerian Pelajaran telah berlaku secara berterusan, adakah Kementerian sedar bahawa dasar ini menimbulkan kekecewaan di kalangan pegawai pelapis yang seharusnya menjawat jawatan-jawatan Pegawai Tertinggi yang terhad itu. Apakah langkah diambil oleh KPM untuk mengatasi kekecewaan pegawai pelapis yang terlepas peluang untuk dinaikkan pangkat itu.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelantikan dan penyambungan perkhidmatan secara kontrak Pegawai Tertinggi Kementerian dibuat atas dasar kepentingan perkhidmatan serta penerusan perkhidmatan pegawai yang telah menunjukkan reputasi dan prestasi cemerlang dalam menjalankan tugas demi untuk meningkatkan kecemerlangan kementerian. Walaupun pelantikan dan penyambungan kontrak ini adalah bersifat sementara atas sebab-sebab yang telah dinyatakan, namun Kementerian Pelajaran Malaysia melaksanakan pelan penggantian bagi mengenalpasti barisan pelapis yang kompeten dan berupaya untuk memnuhi keperluan organisasi pada masa akan datang.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL
 [PAYA BESAR]**

TARIKH : 29 NOVEMBER 2010 (ISNIN)

SOALAN:

Y.B. DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL (PAYA BESAR) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan berapakah jumlah kutipan tol bagi Lebuhraya Pantai Timur (LPT) sejak mula beroperasi hingga 31 Ogos 2010 bagi sektor Karak ke Kuantan dan berapa pula kemalangan jalan raya yang terlibat.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, Lebuhraya Pantai Timur Fasa 1 (Negeri Pahang) sepanjang 169 kilometer yang menghubungkan Karak ke Kuantan, Pahang telah dibuka secara rasmi pada 1 Ogos 2004 dan penguatkuasaan kutipan tol ialah pada 3 September 2004. Lebuhraya bernilai RM1.3 bilion ini merupakan kesinambungan kepada Lebuhraya

SOALAN NO.:

Kuala Lumpur - Karak yang disiapkan pada tahun 1999.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tempoh mula beroperasi sehingga 31 Ogos 2010, jumlah hasil kutipan tol yang dikutip oleh syarikat konsesi MTD Prime Sdn. Bhd. di lebuhraya berkenaan ialah sebanyak RM522.74 juta. Manakala jumlah kemalangan yang direkodkan bagi tempoh yang sama ialah sebanyak 5,435 kes kemalangan atau purata 75 kes kemalangan sebulan. Sehubungan itu, Kementerian Kerja Raya melalui Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan syarikat konsesi sentiasa melaksanakan audit keselamatan di lebuhraya berkenaan, khususnya di kawasan-kawasan yang kerap berlaku kemalangan (*blackspot*). Di samping itu, dalam masa yang sama juga kementerian ini turut bekerjasama dengan agensi-agensi penguatkuasaan seperti Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Polis di-Raja Malaysia (PDRM) bagi memastikan pematuhan terhadap undang-undang yang sedang berkuat kuasa.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN : LISAN

DARI PAD A

PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH

[KUANTAN]

TARIKH

29 NOVEMBER 2010

SOALAN N0.20

SOALAN:

PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH minta **PERDANA MENTERI** menyatakan statistik dan jumlah pengundian bagi **Pengundi Tidak Hadir (PTH)** pada tahun 2008 mengikut negara dan jenis PTH seperti angkatan tentera, anggota Kerajaan, ataupun pelajar.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, statistik Pengundi Tidak Hadir (PTH) luar negara mengikut negara adalah seperti dalam jadual 1 di bawah.

SOALAN NO.20**Jadual 1: STATISTIK PENGUNDI TIDAK HADIR (PTH) MENGIKUT NEGARA**

Bil.	Negara	Jumlah
1	Tiada Maklumat Negara	1132
2	Algeria	2
3	Australia	74
4	Austria	16
5	Belgium	8
6	Bosnia and Herzegovina	9
7	Brazil	1
8	Brunei Darussalam	2
9	Burma	1
10	Cambodia	1
11	Canada	5
12	China	119
13	Croatia	2
14	Egypt	2
15	Fiji	1
16	France	45
17	Germany	11
18	Ghana	1
19	Hong Kong	1
20	Hungary	15
21	Indonesia	2
22	Italy	1
23	Japan	28
24	Laos	29
25	Libya	4
26	Macau	1
27	Mexico	1
28	Morocco	5
29	Netherlands	1
30	New Zealand	11
31	North Korea	1

SOALAN NO.20

Bil.	Negara	Jumlah
32	Pakistan	1
33	Philippines	19
34	Poland	8
35	Russian Federation	10
36	Saudi Arabia	5
37	Senegal	2
38	Singapore	3
39	South Korea	4
40	Spain	1
41	Sri Lanka	18
42	Swaziland	2
43	Sweden	13
44	Switzerland	9
45	Syria	3
46	Taiwan	99
47	Thailand	4
48	Turkey	8
49	Ukraine	4
50	United Kingdom	34
51	United States	24
52	Uzbekistan	4
53	Vietnam	22
54	Virgin Islands (U.S.)	20
Jumlah		1849

Walau bagaimanapun SPR tidak mempunyai maklumat PTH luar negara mengikut kategori sama ada penjawat awam dan pelajar sepenuh masa dan pasangan masing-masing. Ini adalah kerana, SPR tidak mengkehendaki maklumat berkenaan untuk diisi dalam borang A (borang pendaftaran pemilih). Bagi maksud permohonan pendaftaran sebagai PTH luar negara hanya warganegara Malaysia yang memenuhi syarat kelayakan sebagai PTH luar negara sebagaimana yang

SOALAN N0.20

**dinyatakan dalam sub peraturan 2 (c), (d), (e) dan (f) Peraturan-
Peraturan Pilihan raya (Pendaftaran Pemilih) 2002.**

No. SOALAN: 21

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

Y.B. DATO' HAJI TAJUDDIN BIN ABDUL RAHMAN [PASIR SALAK]

TARIKH

29 NOVEMBER 2010 (ISNIN)

SOALAN

Y.B. DATO' HAJI TAJUDDIN BIN ABDUL RAHMAN minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan Kerajaan untuk mengatasi masalah hubungan kaum yang semakin serius sekarang.

JAWAPAN: (YB Senator Tan Sri Koh Tsu Koon)

Sejak tahun 2006, beberapa insiden dan isu yang melibatkan kaum dan agama memang telah muncul yang mencetuskan perbincangan hangat, pelbagai bentuk reaksi dan demonstrasi, yang terus berlansung selepas Pilihanraya Umum Ke-12 pada Mac 2008. Tambahan pula, kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) telah membolehkan berita dan cerita yang sensasi disebarkan secara meluas, menimbulkan persepsi dan perasaan negatif yang berbeza- beza dan menjejaskan hubungan kaum.

Mengambil kira perkembangan yang kurang positif ini, YAB Dato' Sri Najib Tun Razak, sebaik sahaja dilantik menjadi Perdana Menteri pada bulan April 2009, telah dengan tegas, jelas dan giatnya melancar dan memacu Gagasan 1 Malaysia. Gagasan 1 Malaysia yang berpaksikan Perlembagaan Persekutuan adalah bertujuan untuk memupuk persefahaman dan perpaduan secara lebih jitu dan rapat, dengan sikap menerima, menghormati bahkan meraikan kepelbagaian masyarakat Malaysia yang majmuk ini.

Gagasan 1 Malaysia telah juga menetapkan komitmen supaya Rakyat Didahulukan dan Pencapaian Diutamakan untuk menyampaikan hasil yang positif dan konkrit kepada rakyat, melalui Program Transformasi Kerajaan (PTK) yang bertujuan menjadikan perkhidmatan awam lebih cekap dan cepat lagi. Dengan pendekatan secara berfokus, masalah-masalah seperti kemiskinan, jenayah, infrastruktur asas dan pendidikan sedang ditangani supaya mengurangkan jurang perbezaan di kalangan rakyat Malaysia, yang dapat menyumbang secara langsung dan tidak langsung kepada keharmonian antara golongan-golongan etnik dan agama, antara wilayah, antara bandar dan luar bandar.

Berdasarkan kepada konsep keterangkuman (*inclusiveness*) dalam gagasan 1 Malaysia dan Model Baru Ekonomi (MBE), Kerajaan sedang dan akan terus melaksanakan semua dasar dan program untuk rakyat dan kumpulan-kumpulan sasaran secara adil dan seimbang untuk menggalakkan penyertaan semua kaum dalam semua bidang secara berkesan dan bermakna supaya tidak ada yang terpinggir. Pelaksanaan keterangkuman akan meredakan perasaan kurang puas dan mengurangkan masalah hubungan kaum.

Langkah-langkah terus dipertingkatkan untuk menggalakkan interaksi, integrasi dan persefahaman antara kaum di tempat kerja, tempat belajar, tempat kediaman dan dalam pelbagai aktiviti sosial, melalui program-program konkrit seperti Rukun Tetangga dan Skim Rondaan Sukarela (SRS) dalam kawasan-kawasan perumahan, Rancangan Integrasi Murid-Murid Untuk Perpaduan (RIMUP) antara sekolah-sekolah rendah pelbagai aliran, Program Latihan Khidmat Negara bagi

remaja, Kelab Rukun Negara (KRN) di sekolah, Sekretariat Rukun Negara (SRN) di institusi pendidikan tinggi serta pelbagai program interaksi untuk belia dan kaum wanita.

Saluran telah diwujudkan dan program dilaksanakan untuk menggalakkan wakil dari badan-badan kebudayaan dan agama supaya berhubung, bertukar fikiran dan mencapai persefahaman yang lebih mendalam dan kukuh supaya dapat menangani secara lebih berkesan lagi isu-isu seperti pembinaan dan pemindahan bangunan ibadat, perkahwinan campur, pertukaran agama, penggunaan istilah keagamaan yang tertentu dan sebagainya.

Tambahan pula, latihan diadakan untuk meningkatkan keupayaan berkomunikasi dan berunding serta kemahiran mediasi di kalangan pemimpin Rukun Tetangga supaya mereka sanggup menguruskan dan menyelesaikan apa juga sengketa, dan berusaha mententeramkan keadaan di peringkat akar umbi.

Dalam konteks ini, adalah diharapkan semua pemimpin politik dan masyarakat supaya memainkan peranan yang positif serta mengelakkan kecenderungan untuk mempolitikkan isu-isu berkaitan dengan agama dan etnik. Kerajaan bersedia mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang menjejaskan kesensitifan kaum dan keamanan, jikalau didapati perlu.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

NO. SOALAN : 22

DARI PADA

YB PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD.

YUSOFF [RANTAU PANJANG]

TARIKH

29 NOVEMBER 2010

SOALAN

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah ada halangan pelaksanaan undang-undang Islam di Malaysia dalam perjanjian antara Kerajaan Malaysia dengan British semasa perundingan untuk mencapai kemerdekaan pada tahun 1957 dan apakah syarat-syarat kemerdekaan yang telah dipersetujui ketika itu.

YB DATO' SERI MOHAMEP NAZRI AZIZ

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Tidak terdapat apa-apa halangan dalam pelaksanaan undang-undang Islam di Malaysia dalam perjanjian antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan British semasa rundingan untuk mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Kerajaan British telah mengamalkan dasar tidak campur tangan bagi perkara yang menyentuh Raja-Raja Melayu, pentadbiran agama Islam dan adat Melayu, dan fakta ini telah dinyatakan dalam kebanyakan perjanjian dan surat cara antara Kerajaan Malaysia dengan British, antara lain, dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948, Laporan Suruhanjaya Reid 1956 - 1957 dan *Constitutional Proposals for the Federation of Malaya* 1957. Dasar yang dibuat oleh Kerajaan British itu adalah selaras dengan keputusan Mahkamah Rayuan dalam kes *Ramah lwn Laton*(1927) 6 FMSLR 128 yang mengiktiraf kedudukan agama Islam sebagai "*lex loci of the land*" (undang-undang tempatan).

Selanjutnya, syarat-syarat kemerdekaan yang telah dipersetujui semasa perundingan untuk mencapai kemerdekaan pada tahun 1957 boleh dilihat dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948, Laporan Suruhanjaya Reid 1956-1957 dan *Constitutional Proposals for the Federation of Malaya*.

Dalam Perkara 5 Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948, Kerajaan British telah berjanji tidak akan campurtangan dalam hal agama Islam dan adat orang Melayu manakala Perkara 100 Perjanjian itu turut menyatakan kuasa menggubal undang-undang berkaitan agama Islam dan adat resam orang Melayu terletak pada Kerajaan Negeri.

Untuk makluman Yang Berhormat, draf Perlembagaan Persekutuan telah digubal oleh Suruhanjaya Reid berdasarkan beberapa siri pendengaran awam di seluruh negara dan maklumat yang diterima daripada pelbagai persatuan dan orang perseorangan yang terdiri daripada pelbagai kaum di Malaysia. Perenggan 114 Bab V Laporan Suruhanjaya Reid 1956-1957 berhubung dengan pembahagian kuasa perundangan dan eksekutif menyatakan bahawa apa-apa perkara yang berkaitan dengan hal ehwal agama Islam dan adat resam Melayu adalah di bawah bidang kuasa negeri dan akan terus kekal menjadi perkara di bawah bidang kuasa

kerajaan negeri iaitu di bawah kuasa Raja-Raja Melayu yang merupakan ketua agama Islam.

Dalam perenggan 122 Bab VI Laporan yang sama, Suruhanjaya Reid juga mencadangkan supaya Mahkamah Syariah yang dahulunya dikenali sebagai '*Qadis Courts*' dan perkara yang berhubungan dengan undang-undang Islam dan adat Melayu akan dikekalkan di bawah bidang kuasa Negeri. Selain itu, perenggan 169 Bab IX Laporan pula menyatakan bahawa Suruhanjaya Reid bersetuju dengan cadangan daripada Parti Perikatan untuk menjadikan agama Islam sebagai agama bagi Persekutuan. Agama Islam kini dijadikan agama rasmi Malaysia tanpa menjejaskan hak sivil rakyat bukan Islam yang menganut agama lain. Ini merupakan suatu pengiktirafan terhadap kedudukan dan amalan agama Islam yang telah lama bertapak dan kukuh di setiap Negeri Melayu semenjak dahulu lagi.

Laporan Suruhanjaya Reid ini kemudiannya dikemukakan kepada *Her Majesty the Queen* dan Majlis Raja-Raja Melayu pada 21 Februari 1957. *Suatu Working Party* telah ditubuhkan di Persekutuan bagi mengkaji draf Perlembagaan yang digubal oleh Suruhanjaya Reid. Hasil daripada kajian tersebut, suatu *White Paper* telah disediakan oleh *Working Party*

(iaitu *Constitutional Proposals for the Federation of Malaya*). Perkara yang dinyatakan dalam *White Paper* juga menunjukkan tidak pernah wujud apa-apa halangan untuk melaksanakan undang-undang Islam di Malaysia.

Contohnya, dalam perenggan 58, *Working Party* bersetuju dengan cadangan Suruhanjaya Reid untuk melindungi kedudukan Raja-Raja Melayu sebagai ketua agama Islam bagi setiap Negeri dan mengekalkan segala hak, keistimewaan, prerogatif dan kuasa yang dinikmati oleh Raja-Raja Melayu sebagai ketua agama Islam. Ini termasuklah perkara yang berkaitan dengan penubuhan Mahkamah Syariah dan juga penggubalan undang-undang Islam.

Perkara 162 Bahagian XIII (Peruntukan Sementara dan Peralihan) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa undang-undang yang sedia ada sebelum Negara mencapai kemerdekaan hendaklah terus berkuat kuasa pada dan selepas Hari Merdeka sehinggalah ia dipinda atau diubah suai. Perkara 162 ini juga tidak terkecuali kepada undang-undang Islam di Malaysia kerana undang-undang Islam sedia ada sentiasa dilaksanakan, digubal atau dipinda semula selaras dengan prinsip Islam semasa.

Sekian, terima kasih.

PEMBERIT
AHU
PERTANYA
AN

LISAN DEWAN
RAKYAT,
MALAYSIA

PERTANYAAN
DARIPADA

DATO' SERI ONG KA CHUAN

KAWASAN

TANJONG MALIM 29.11.2010

TARIKH

NO. SOALAN

(Isnin)
/

DATO' SERI ONG KA CHUAN minta MENTERI
PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI
menyatakan :

- (a) apakah punca yang menyebabkan terdapat pengaliran keluar pelaburan asing langsung (Foreign Direct Investment) pada jumlah yang besar pada tahun 2009; dan
- (b) apakah bidang pelaburan asing yang akan menjadi tumpuan untuk diberi galakan oleh Kementerian dalam tempoh RMK-10.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Berdasarkan kepada imbangan pembavaran negara yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, iumlah

pengaliran keluar pelaburan asing pada tahun 2009 adalah sebanyak RM28.0 billion.

Secara amnya, pelaburan langsung Malaysia ke luar negara pada tahun 2009 disalurkan kepada sektor perkhidmatan (46%), minyak dan gas (38%) dan perkilangan (6%). Sektor perkhidmatan tertumpu kepada minyak dan gas, perbankan dan telekomunikasi, manakala sektor perkilangan tertumpu dalam aktiviti hulu dan hilir yang berkaitan dengan minyak sawit.

Perkembangan operasi dan pelaburan oleh syarikat Malaysia di luar negara mencerminkan daya saing dan keupayaan syarikat Malaysia yang tinggi untuk menjadi peserta di peringkat rantau dan global selaras dengan teras Pelan Induk Perindustrian Ketiga (IMP3). Secara amnya, pelaburan langsung asing yang dijalankan oleh syarikat Malaysia di luar negara memberi beberapa kesan positif iaitu:

- **membuktikan keupayaan syarikat Malaysia untuk mematuhi standard antarabangsa:**
- **syarikat Malaysia dapat memperoleh kelebihan dengan**

membuat pelaburan di negara yang memiliki

faktor pelengkap seperti sumber bahan, kepakaran tenaga kerja dan infrastruktur fizikal yang bersesuaian:

- menvokong pertumbuhan industri domestik dengan menggalakkan aktiviti penvumberan luar atau outsourcing, dengan izin bagi tujuan menyurangkan kos pembuatan; dan
- mengelakkan sekatan bukan tarif (Non Tariff Barriers) dengan izin, yang dikenakan oleh sesebuah negara memandangkan syarikat Malaysia yang melabur di luar negara boleh memperoleh akses kepada bahan mentah dengan kos yang kompetitif.

Tuan Yang DiPertua,

Kerajaan telah memperkenalkan Program Transformasi Ekonomi (ETP) bertujuan untuk menjana dan memacu ekonomi Malaysia ke arah negara berpendapatan tinggi menjelang 2020. Program yang digariskan di bawah ETP tersebut melengkap Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), Model Baru Ekonomi (MBE) dan prinsip 1 Malaysia: Rakvat didahulukan. Pencapaian diutamakan. Sebanyak 131 *Entry Point Projects (EPP)* bernilai USD138

bilion dan 60 peluang perniagaan telah dikenai pasti di bawah ETP. Projek-projek ini dijangkakan akan menyediakan sebanyak 3.3 juta peluang pekerjaan serta akan meningkatkan Pendapatan Dalam Negara Kasar (GNI) yang disasarkan kepada USD523 bilion menjelang 2020. Bagi tujuan ini, tumpuan pelaburan akan diberikan kepada 12 bidang ekonomi utama negara atau NKEA yang berpotensi untuk menjana pendapatan tinggi iaitu:

- minyak dan gas;
- minyak sawit dan produk berkaitan;
- perkhidmatan kewangan;
- pemborongan dan peruncitan;
- pelancongan;
- teknologi maklumat dan komunikasi (ICT);
- perkhidmatan pendidikan;
- elektrik dan elektronik;
- perkhidmatan perniagaan;
- penjagaan kesihatan swasta;
- pertanian; dan
- Greater Kuala Lumpur.

Dengan usaha-usaha yang dijalankan dan penambahbaikan yang berterusan serta komitmen Kerajaan untuk

memperbaiki suasana pelaburan di

Malaysia, Kerajaan menjangka akan dapat mencapai sasaran pelaburan yang ditetapkan iaitu sebanyak purata RM115 bilion setahun di bawah RMKe-10.

**PEMBERITAHU
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA PUAN TERESA KOK SUH SIM (SEPUTEH)

**TARIKH PERTANYAAN LISA
N**

29.11.2010

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputih] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan projek yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan melalui RM60 bilion Pakej Rangsangan Ekonomi pada tahun 2009. Apakah hasil berikutan pakej rangsangan ekonomi ini.

Jawapan:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah mengambil langkah proaktif dan pantas untuk menangani krisis ekonomi dunia dengan melaksanakan dua pakej rangsangan ekonomi iaitu sebanyak RM7 bilion yang diumumkan pada 4 November 2008 dan sebanyak RM60 bilion pada 10 Mac 2009. Kedua-dua pakej ini telah berjaya mengelakkan negara daripada terjerumus ke dalam kemelesetan ekonomi yang lebih teruk. Malahan, ekonomi negara telah berjaya mencatatkan pertumbuhan di luar jangkaan sebanyak 9.5% dalam tempoh pertama 2010 berbanding - 5.1% dalam tempoh separuh pertama 2009, dengan semua subsektor mencatatkan pertumbuhan positif. Sektor pembinaan mencatatkan

pertumbuhan yang memberangsangkan sebanyak 6.3% berikutan pelaksanaan beberapa projek termasuk kerja-kerja penyelenggaraan di bawah Program Penyelenggaraan Infrastruktur Awam (PIA) dan Projek Infrastruktur Asas (PIAS), pembinaan Rumah Mesra Rakyat serta penambahbaikan infrastruktur dan kemudahan awam terutamanya di kawasan luar bandar dan pedalaman.

2. Berikutan prestasi ekonomi yang semakin pulih, bilangan tawaran untuk kekosongan pekerjaan kembali meningkat sebanyak 30% kepada 1,539,906 dalam tempoh 10 bulan pertama 2010. Bilangan pemberhentian kerja turut berkurangan kepada 993 orang pada bulan September berbanding jumlah pemberhentian kerja tertinggi sebanyak 8,383 pekerja pada bulan Ogos 2008.

3. Bagi Pakej Rangsangan Ekonomi Pertama (PRE1), kesemua peruntukan telah diagihkan kepada kementerian dan agensi pelaksana. Sehingga 4 November 2010, sebanyak 66,841 projek telah siap dilaksanakan dan sejumlah RM6.56 bilion pembayaran telah dibuat.

4. Bagi Pakej Rangsangan Kedua (PRE2) yang bernilai RM60 bilion, program/projek yang dilaksanakan termasuk menyediakan peluang latihan dan pekerjaan, meringgankan beban rakyat terutamanya golongan mudah terjejas, membantu sektor swasta menghadapi krisis dan membina keupayaan masa depan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM15 bilion merupakan suntikan fiskal, RM25 bilion bagi Dana Jaminan dan RM10 bilion bagi pelaburan ekuiti, RM7 bilion bagi inisiatif pembiayaan swasta (PFI) dan off-budget serta baki RM3 bilion dalam bentuk insentif cukai.

2

5. Sehingga 4 November 2010, sejumlah RM13.99 bilion daripada suntikan fiskal telah diagihkan kepada kementerian dan agensi.

Sebanyak 51,504 projek bernilai RM11.66 bilion telah dilaksanakan dan daripada jumlah ini sebanyak 48,963 projek telah siap dibina dengan pembayaran dijelaskan sebanyak RM9.65 bilion. Sementara itu, sebanyak 2,733 unit Rumah Mesra Rakyat sudah siap dibina.

6. Skim Jaminan Modal Kerja berjumlah RM7 bilion bagi membiayai modal kerja syarikat-syarikat yang mempunyai dana pemegang ekuiti di bawah RM20 juta bagi membantu Perusahaan Kecil & Sederhana (PKS) yang terjejas akibat kemelesetan ekonomi telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan. Peruntukan di bawah skim ini telah digunakan sepenuhnya dengan 5,329 permohonan bernilai RM7 bilion diluluskan. Selain itu, Dana Jaminan Penstrukturan Semula Industri bernilai RM3 bilion juga telah ditubuhkan untuk pinjaman bagi meningkatkan produktiviti dan nilai ditambah serta menggalakkan aplikasi teknologi hijau. Sehingga kini, sebanyak 250 permohonan bernilai RM1,009.4juta telah diluluskan.

7. Kerajaan juga telah memberi peluang kepada siswazah untuk melanjutkan pelajaran di peringkat sarjana dan kedoktoran falsafah. Sejumlah RM110 juta telah diperuntukkan di bawah PRE2 untuk tujuan ini dan peruntukkan ini telah digunakan sepenuhnya. Sehingga 6 Januari 2010, sebanyak 9,006 permohonan telah diluluskan di

peringkat sarjana manakala 556 bagi doktor falsafah. Sebanyak 5,609 permohonan yang diluluskan adalah dalam bidang sains dan teknologi, kejuruteraan dan teknologi, perubatan dan sains kesihatan manakala selebihnya dalam bidang sastera dan sastera ikhtisas.

8. Untuk makluman ahli Yang Berhormat, berdasarkan hasil Kajian Penilaian *Outcome* dan Impak PRE2 yang dilaksanakan oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) dan Unit Pengurusan Projek (PMU) pada Julai 2010 menunjukkan 87% daripada 9,456 responden yang ditemu duga, yang terdiri daripada penerima manfaat terus dan pemimpin masyarakat serta orang awam di seluruh negara, berpuashati dengan pelaksanaan PRE2.

Tuan Yang di-Pertua,

Pelaksanaan pakej rangsangan ekonomi telah berjaya mengeluarkan ekonomi negara daripada kemelesetan ekonomi dengan mencatat pertumbuhan di luar jangkaan. Kerajaan yakin dengan pelaksanaan pakej rangsangan ekonomi berserta dasar monetari yang akomodatif, ekonomi negara akan terus mencatat pertumbuhan yang kukuh pada tahun 2010 dan 2011.

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH PAIRIN

NO. AUP : IS'

TARIKH KITINGAN [KENINGAU]

RUJUKAN

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT
29 NOVEMBER 2010**

3116

SOALAN:

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilakah Kerajaan akan menguatkuasakan undang-undang menghalang pekerja-pekerja asing membawa keluarga masing-masing ketika bekerja di Malaysia dan apakah tindakan Kerajaan terhadap buruh asing yang sudah membawa keluarga mereka ke negara ini.

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Keningau di atas soalan yang dikemukakan.

Dasar semasa pengambilan pekerja asing adalah tidak membenarkan pekerja asing ini membawa keluarga atau tanggungan mereka sepanjang tempoh bekerja di Malaysia. Namun begitu, peraturan larangan membawa tanggungan ini dikuatkuasakan ke atas pemegang Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) yang diberikan kepada pekerja asing yang berstatus tidak mahir atau separuh mahir (*unskilled and semi-skilled*) sahaja.

Kerajaan telah pun menguatkuasakan peraturan ini mulai tahun 1998 lagi. Peraturan ini terkandung dalam Pekeliling Imigresen Malaysia Terhad Bil. 2 Tahun 1998. Pelaksanaannya adalah untuk merealisasikan keputusan Kerajaan untuk mengurangkan pekerja asing dalamana pekerja asing yang dibenarkan terus bekerja hendaklah menghantar pulang isteri dan tanggungan mereka.

Walaupun begitu, tanggungan pekerja asing (yang memegang PLKS) boleh memasuki negara ini menggunakan Pas Lawatan Sosial bagi tujuan melawat untuk suatu tempoh jangka pendek tertakluk kepada syarat-syarat tertentu seperti mendapatkan visa terlebih dahulu.

Bagi pemegang Pas Penggajian (*Employment Pass*) pula, mereka dibenarkan membawa bersama tanggungan mereka sepanjang tempoh perkhidmatan mereka di negara ini. Tanggungan mereka dibenarkan bekerja dan anak mereka boleh belajar di Sekolah Antarabangsa. Pemegang Pas Penggajian dikategorikan sebagai golongan Profesional. Oleh yang demikian, mereka diberi kemudahan untuk membawa bersama tanggungan dan keluarga mereka ke negara ini.

NO. AUM : 14

NO. AUP : Z'k

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

TUAN WONG HO LENG [SIBU]

TARIKH

29. NOVEMBER 2010

RUJUKAN

3235

Tuan Wong Ho Leng [SibU] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilakah Kerajaan Persekutuan bercadang untuk mengubah Sarawak Adoption Ordinance supaya selaras/seiring dengan Adoption Act. Berapakah kes adopsi telah didaftar di Sarawak dalam 10 tahun yang lalu.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Sibu yang mengemukakan pertanyaan.

[

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam usaha menangani masalah permohonan Sijil Anak Angkat, Jabatan Pendaftaran Negara telah menyelaraskan penggunaan satu sistem dan sijil yang sama di antara Semenanjung dan Negeri Sabah sebagai fasa pertama.

Jabatan Pendaftaran Negara telah berjaya melaksanakan fasa pertama penyeragaman sistem dan Sijil Anak Angkat di negeri Sabah sama seperti yang digunakan dan dikeluarkan di Semenanjung Malaysia. Di atas kejayaan ini, Kementerian Dalam Negeri akan memulakan Fasa Kedua bagi menyelaraskan dan menyeragamkan penggunaan sistem dan Sijil Anak Angkat di Negeri Sarawak supaya ianya selaras dan sama sepertimana yang digunakan di Semenanjung dan di Negeri Sabah. .

Pendaftaran dan pengeluaran Sijil Anak Angkat di Negeri Sarawak adalah di bawah bidang kuasa Pejabat Daerah di Negeri Sarawak berdasarkan **Ordinan Pengangkatan Sarawak Bab 91**. Dalam hal ini, Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Sarawak hanya bertanggungjawab mengeluarkan dokumen Cabutan Dari Pendaftar Pusat Daftar Kelahiran, berpandukan kepada *The Adoption Central Registry Regulation 1960*, dengan izin.

JPN masih dalam peringkat perbincangan dengan Pejabat Setiausaha Sarawak kerana ianya melibatkan bidangkuasa Kerajaan Negeri Sarawak dan juga melibatkan implikasi perundangan yang sedia ada.

Jumlah pendaftaran pengangkatan yang telah didaftarkan di JPN Sarawak dalam 10 tahun yang lalu ialah 23,315 .

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

LISAN

**PERTANYAAN
DARIPADA**

**YB. Tan Sri Datuk Syed Hamid bin
Syed Jaafar Albar**

KAWASAN

Kota Tinggi

TARIKH

29.11.2010 (Isnin)

NO. SOALAN

**YB. Tan Sri Datuk Syed Hamid Bin Syed Jaafar Albar minta
MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI
menyatakan semenjak bayaran RM10,000 bagi setiap AP
dilaksanakan, berapakah jumlah kutipan setakat tahun 2010. Adakah
Kerajaan masih bercadang untuk meluputkan sistem AP pada 2016.**

Jawapan

Tuan Yang Di Pertua,

**Semenjak berkuatkuasa pada 1 Januari 2010, jumlah kutipan
bayaran RM10,000 bagi setiap AP sehingga 30 September 2010
adalah sebanyak RM211.31 juta.**

**Sepertimana diumumkan, sistem AP Terbuka bagi pengimportan
kenderaan terpakai akan dimansuhkan menjelang 31 Disember**

2015, manakala bagi kenderaan baru pula, sistem AP Francais akan dimansuhkan pada 31 Disember 2020. Kerajaan pada masa ini tidak bercadang untuk meminda dasar-dasar di bawah Kajian Semula Dasar Automotif Negara yang diumumkan pada 28 Oktober 2009.

NO. SOALAN:

28 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARI PADA TUAN LIM LIP SENG [SEGAMBUT]

TARIKH 29 NOVEMBER 2010 (ISNIN)

SOALAN:

TUAN LIM LIP SENG [SEGAMBUT] minta Perdana Menteri menyatakan kos penubuhan *Talent Corporation* termasuk gaji bulanan calon yang bakal menerajui *Talent Corporation* dan mengapa Kerajaan tidak mengiklankan untuk mencari calon

tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Tenaga kerja berkemahiran merupakan elemen penting dalam usaha mencapai status negara berpendapatan tinggi. Pada masa kini, hanya 28% daripada tenaga kerja Malaysia adalah tenaga kerja mahir. Menyedari bahawa terdapat sejumlah besar diaspora Malaysia di luar negara dan modal insan berkepakaran global yang boleh dimanfaatkan untuk memenuhi keperluan tenaga mahir negara, Kerajaan memutuskan untuk menubuhkan *Talent Corporation* (TC) yang akan berfungsi sebagai penyelaras, pemangkin, pemudah cara dan penyampai bagi membangun, mengekal dan menarik modal insan berkepakaran.

Pada ketika ini, persiapan rapi sedang dibuat oleh pasukan interim TC bagi membolehkan TC mula beroperasi bulan Januari 2011. Dalam hubungan ini, maklumat mengenai struktur organisasi, kos operasi dan keanggotaan TC masih dalam peringkat perbincangan.

NO. AUM : Zf ^

NO. AUP : ^

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

**DEWAN
RAKYAT**

LISAN

PERTANYAAN : **DATUK JUSLIE BIN AJIROL [LIBARAN]**

DARIPADA **29 NOVEMBER 2010**

TARIKH

RUJUKAN **3119**

SOALAN:

Datuk Juslie Bin Ajirol [Libaran] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sejauh manakah keberkesanan mendidik pengguna jalan raya menerusi Ops Saman Ekor selama ini diperkenalkan oleh Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan berapa jumlah pesalah trafik, jumlah saman dan nilai saman ekor bagi tempoh 10 tahun lalu.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Libaran yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, saman ekor yang difahami umum adalah sebenarnya saman yang dikeluarkan oleh Mahkamah berikutan daripada satu notis yang dikeluarkan oleh pihak PDRM melalui borang polis yang dikenali sebagai borang POL 170A. Tindakan penguatkuasaan yang dijalankan oleh PDRM terutamanya dalam mengeluarkan saman sama ada saman secara bersemuka (POL 257) atau saman yang dikategorikan saman ekor (Notis Saman POL 170A) merupakan perkara yang tidak disenangi oleh pesalah trafik.

Walau bagaimanapun, dengan pelaksanaan tindakan saman terutamanya Saman Notis POL170A, pemandu akan lebih berhati-hati semasa memandu dengan mempunyai "*perception of being caught*" (dengan izin) dan seterusnya mematuhi peraturan jalan raya yang ditetapkan bagi mengelakkan mereka dari disaman dan seterusnya boleh mengurangkan kadar kemalangan jalan raya. Melalui usaha-usaha yang dijalankan ini, pihak PDRM yakin dan percaya tahap kesedaran masyarakat telah dapat dipertingkatkan yang mana ianya memberi impak dalam jangka masa panjang.

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, jumlah keseluruhan saman trafik iaitu Saman POL 257 dan Notis Saman POL 170A yang dikeluarkan oleh Polis DiRaja Malaysia (PDRM) pada tahun 2000 adalah sebanyak **2,924,725** saman. Pada tahun 2001 sebanyak **4,302,766** saman, tahun 2002 sebanyak **4,223,470** saman, tahun 2003 sebanyak **4,419,460** saman, tahun 2004 sebanyak **5,387,683** saman, tahun 2005 sebanyak **5,175,400** saman, tahun 2006 sebanyak **4,785,453** saman, tahun 2007 sebanyak **4,314,378** saman, tahun 2008 sebanyak **4,067,553** saman, tahun 2009 sebanyak **4,488,324** saman dan tahun 2010 (sehingga September) sebanyak **3,680,886** saman telah dikeluarkan.

Daripada jumlah saman yang dikeluarkan pada tahun 2000, sebanyak **RM 93.2 juta** telah berjaya dikutip daripada jenis Saman POL 170A (saman ekor). Pada tahun 2001 pula adalah sebanyak **RM 100.3 juta**, tahun 2002 sebanyak **RM 213.9 juta**, tahun 2003 sebanyak **RM 83.1 juta**, tahun 2004 sebanyak **RM 124.4 juta**, tahun 2005 sebanyak **RM 168.1 juta**, tahun 2006 sebanyak **RM 122.9 juta**, tahun 2007 sebanyak **RM 92.1 juta**, tahun 2008 sebanyak **RM 93.2 juta**, tahun 2009 sebanyak **RM 115.5 juta** dan pada tahun 2010 (sehingga September) sebanyak **RM 205.6 juta** nilai daripada saman ekor yang dikeluarkan berjaya dikutip.

NO. AUM 12S/t

NO. AUP : Jo

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT
PERTANYAAN LISAN**

DARIPADA TUAN KHALID BIN ABDUL SAMAD [SHAH ALAM]

29 NOVEMBER 2010

TARIKH

3120

RUJUKAN

SO ALAN:

Tuan Khalid bin Abdul Samad [Shah Alam] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status cadangan pindaan kepada Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dan siapakah ahli-ahli jawatan kuasa yang dilantik untuk merangka pindaan tersebut.

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada ahli Yang Berhormat Shah Alam yang telah mengemukakan soalan.

Untuk makluman ahli Yang Berhormat bahawa Kementerian masih dalam proses kajian terhadap Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 (ISA). Dalam hubungan ini Kementerian telah turut mengadakan sesi-sesi Pertemuan Awam (*Public Engagement*) bagi mendengar pandangan serta mendapatkan buah fikiran dari semua pihak dan *stakeholders*. Pandangan dan cadangan yang dikemukakan oleh agensi-agensi penguat kuasa, badan-badan bukan kerajaan (NGO), pakar akademik, pengamal undang-undang, ahli-ahli politik, ahli-ahli parlimen, pengamal media serta orang awam telah diambil kira dan diberikan perhatian di dalam usaha penambahbaikan dan pindaan kepada Akta ini.

Kementerian telah mengadakan enam (6) sesi Pertemuan Awam. Pihak-pihak yang terlibat adalah seperti Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM), Institut Kajian Strategik & Antarabangsa Malaysia (ISIS), JUST, PERKASA, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Persatuan Peguam Muslim Malaysia, Persatuan Peguam Syarie Malaysia, Pertubuhan Kebajikan dan Dakwah Islamiah Malaysia (PEKIDA), Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS), ahli-ahli akademik daripada Fakulti Undang-Undang Universiti Malaya, Universiti Islam

Antarabangsa Malaysia dan Universiti Teknologi Mara Malaysia serta daripada Pusat Pengajian Komunikasi, Universiti Sains Malaysia.

Di samping itu, pertubuhan belia seperti Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Persatuan Kebajikan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM), Majlis Belia Malaysia (MBM), parti politik seperti Parti Gerakan Rakyat Malaysia serta pertubuhan-pertubuhan berkaitan agama seperti Malaysia Hindu Sangam, Persatuan Penganut Agama Buddha Ammitabha Malaysia dan National Evangelical Christian Fellowship (NECF) untuk turut serta dalam memberikan pandangan dan buah fikiran berkaitan AKDN 1960.

Hasil daripada siri pertemuan awam tersebut, Kementerian juga telah mengenal pasti lima (5) isu pokok yang menimbulkan ketidakpuashatian sesetengah pihak terhadap penguatkuasaan dan pelaksanaan ISA. Lima (5) isu pokok tersebut adalah;

1. kuasa-kuasa Menteri;
2. tempoh tahanan;
3. hak-hak dan layanan terhadap orang tahanan;
4. persepsi umum-perlaksanaan AKDN 1960; dan
5. penahanan tanpa bicara.

Walau bagaimanapun, Jemaah Menteri pada 19 Mac 2010 telah mengambil maklum perkara ini dan telah menetapkan supaya kajian dilanjutkan kepada akta-akta atau undang-undang pencegahan yang lain. Hasil daripada kajian selanjutnya itu, Kementerian telah

memutuskan untuk turut melakukan semakan dan kajian terhadap tiga (3) lagi iaitu Akta Kediaman Terhad 1933, Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam Dan Mencegah Jenayah) 1969 dan Akta Buang Negeri 1959.

Namun demikian pihak kerajaan tidak akan tergesa-gesa dalam melaksanakan pindaan terhadap akta-akta tersebut dan akan melakukan kajian dan semakan yang mencukupi bagi memastikan pindaan yang ingin dilakukan adalah berkesan dan tidak mendatangkan masalah baru dari segi perundangan, pelaksanaan dan sebagainya.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAPAN LISAN

**DARIPADA Y.B. DATO' HAJI ZULHASNAN BIN RAFIQUE
(SETIAWANGSA)**

TARIKH 29 NOVEMBER 2010 (ISNIN)

SOALAN:

Y.B. DATO' HAJI ZULHASNAN BIN RAFIQUE [SETIAWANGSA] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah inti pati usaha Kerajaan di dalam menjayakan RMKe-10 yang akan bermula tahun hadapan, memandangkan tahun pertama adalah waktu paling kritikal untuk menentukan sama ada usaha pembangunan negara akan mencapai matlamat yang dicadangkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sedar bahawa tahun pertama RMKe-10 merupakan waktu paling kritikal dalam menentukan kejayaan pelaksanaan RMKe-10. Sehubungan ini, Kerajaan telah memperkenalkan beberapa pembaharuan untuk memastikan RMKe-10 sedia dilaksana bermula Januari 2011. Antaranya, pelaksanaan konsep *rolling plan* 2 tahun, pendekatan berasaskan *outcome*, program nasional serta pelan pelaksanaan 85 inisiatif RMKe-10. Malah RMKe-10 merupakan pelan pembangunan pertama yang dibentang 6 bulan lebih awal daripada permulaan tempoh rancangan bagi memastikan persiapan awal dibuat serta peruntukan pembangunan disediakan untuk tahun pertama RMKe-10.

Tuan Yang di-Pertua,

Pendekatan ***rolling plan*** 2 tahun merupakan kaedah terbaru yang mana peruntukan pembangunan disediakan untuk setiap dua tahun tempoh rancangan dan dikaji semula secara tahunan. Di bawah kaedah ini, peruntukan hanya diberikan kepada projek yang telah sedia untuk dilaksanakan (***cangkul ready***) dan berupaya mencapai ***outcome*** yang ditetapkan.

Peruntukan siling dwi tahunan RMKe-10 akan memberi lebih fleksibiliti untuk mengkaji semula keutamaan projek berasaskan keperluan pembangunan dan keupayaan semasa kewangan Kerajaan. Ini adalah untuk mengelakkan ***overcommitment*** dan ***shortfall*** sejajar dengan dasar fiskal berhemat serta usaha mengecilkan defisit. Di samping itu, kementerian masih boleh mengemukakan projek di sepanjang tempoh

rancangan sejajar dengan perubahan senario dan keutamaan serta kesediaan projek tersebut. Ini bermakna perancangan projek akan dijalankan secara berterusan dan dapat mengelak masalah "***bunching of projects***" dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua,

Pendekatan berasaskan ***outcome*** pula digunakan untuk pemilihan projek RMKe-10. Ini dapat memudahkan pengukuran KPI kerana penilaian akan dilakukan berdasarkan kepada pencapaian ***outcome***.

Tambahan pula, keberkesanan perbelanjaan Kerajaan akan dapat dinilai dengan lebih objektif.

Selain daripada itu, bagi memastikan penekanan ciri-ciri nilai untuk wang, Kerajaan akan melaksanakan proses *value management* bagi projek-projek yang bernilai RM50 juta dan ke atas. Selain itu, projek bernilai RM100 juta ke atas perlu juga dinilai oleh Panel Penilai Bebas (*Independent Review Panel - IRP*).

Pelaksanaan kaedah 30 program nasional pula merupakan satu pendekatan baru bagi meningkatkan penyelarasan antara kementerian dan mengelakkan pertindihan projek antara kementerian/agensi.

Tuan Yang di-Pertua,

Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) juga telah menggariskan sebanyak 85 inisiatif untuk dilaksanakan dalam tempoh 2011-2015. Bagi memastikan inisiatif-inisiatif ini dapat direalisasikan, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dengan kerjasama semua kementerian dan agensi Kerajaan sedang menyediakan pelan tindakan bagi membolehkan inisiatif tersebut dilaksanakan bermula Januari 2011.

Selain daripada inisiatif-inisiatif ini, RMKe-10 turut menumpukan perhatian kepada 12 Bidang Ekonomi Utama Nasional (NKEA) di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP), di mana sebanyak RM11.86 bilion telah diperuntukkan di bawah rolling plan pertama 2011-2012.

ETP ini akan dipacu oleh pihak swasta, dan Kerajaan hanya memainkan peranan sebagai pemudah cara. Sebanyak 92 peratus daripada pembiayaan projek-projek permulaan disumbang oleh sektor swasta, sementara yang selebihnya daripada pihak Kerajaan.
Tuan Yang di-Pertua,

Pelaksanaan inisiatif RMKe-10 akan dinilai berdasarkan *milestone* (kayu pengukur) utama yang perlu dicapai dengan sasaran tarikh, nama agensi pelaksana dan *outcome* yang hendak dicapai. Inisiatif ini akan dijadikan salah satu *Key Performance Indicator* (KPI) kementerian dan agensi berkenaan.

Pelaksanaan program, inisiatif dan projek RMKe-10 akan dipantau oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri (JPM) manakala inisiatif strategik dan agenda Bumiputera akan dipantau oleh Unit Pengurusan Projek (PMU), Kementerian Kewangan Malaysia. Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU), di JPM pula akan memantau pelaksanaan Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan program ETP. Bagi inisiatif dan projek yang lambat dilaksana, ICU, PMU dan PEMANDU akan mengenalpasti isu-isu yang melambatkan pelaksanaannya dan mencari jalan penyelesaian dengan segera. Laporan berkala akan dibentangkan kepada Majlis Ekonomi yang dipengerusikan oleh Y.A.B Perdana Menteri sendiri.

Kerajaan yakin dengan pembaharuan dan usaha seperti yang

disebutkan tadi, RMKe-10 akan berjaya mencapai matlamatnya.

NO. AUM : 22*2.1

PERTANYAAN

NO. AUP :

DARIPADA

TARIKH

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

RUJUKAN

**DEWAN RAKYAT
LISAN**

TUAN GWO-BURNE LOH [KELANA JAYA]

29 NOVEMBER 2010

3118

SOALAN:

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan individu yang telah dijatuhkan hukuman dan sedang menanti hukuman mati.

Jawapan:

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kelana Jaya yang mengemukakan pertanyaan.

Dimaklumkan untuk tahun 2010 iaitu sehingga 30 September 2010 hanya satu hukuman gantung sampai mati telah dilaksanakan terhadap seorang banduan yang didapati bersalah kerana kesalahan membunuh.

Statistik Jabatan Penjara Malaysia yang berakhir pada 30 September 2010 menunjukkan terdapat seramai 583 banduan yang telah disabitkan bersalah dan dijatuhkan hukuman mati. Hukuman mati tersebut belum dilaksanakan terhadap mereka kerana sedang menunggu proses rayuan sama ada di Mahkamah atau kepada Jemaah Pengampunan Negeri.

SOALAN NO: 33

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN TENG BOON SOON

TARIKH: 29 NOVEMBER 2010

SOALAN:

Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) meminta Menteri Sumber Manusia menyatakan bilangan siswazah yang menganggur mengikut pengkhususan. Apakah sebab mereka menganggur dan langkah serta strategi terkini menangani masalah penganggulan siswazah.

PR-1233-L39020

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bagi makluman Dewan Yang Mulia ini, Kajian pengesanan graduan tahun 2009 yang dijalankan oleh Kementerian Pengajian Tinggi mendapati bilangan siswazah yang masih menganggur pada tahun 2008 adalah seramai 23,259 orang manakala pada tahun 2007 seramai 23,154 orang dan pada tahun 2006 seramai 26,231 orang.

2. Di samping itu, pecahan siswazah menganggur mengikut bidang pengajian adalah seperti berikut:-

Bidang Pengajian	Tahun 2006	Tahun 2007	Tahun 2008
Sains sosial	13,433	11,359	12,042
Sains	5,186	4,464	4,429
Teknikal	4,787	4,897	4,392
ICT	2,490	2,075	1,907
Pendidikan	335	359	489
Jumlah	26,231	23,154	23,259

Tuan Yang Di Pertua,

3. Berhubung dengan perkara punca utama mereka gagal mendapatkan pekerjaan, berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Kementerian Pengajian Tinggi pada tahun 2009, dan juga maklum balas daripada industri antara sebab utama mereka gagal mendapatkan pekerjaan adalah disebabkan:

- i. Kurangnya permintaan terhadap bidang pengajian yang di miliki oleh graduan;
- ii. Kebanyakan majikan menetapkan pengalaman bekerja sebagai salah satu syarat pengambilan;
- iii. Kekurangan kemahiran berkomunikasi;
- iv. Kelemahan menulis dan bertutur dalam Bahasa Inggeris;
- v. Keengganan graduan berhijrah dari kampung halaman dan memilih tempat;
- vi. Mengharapkan gaji yang tinggi; dan

Bagi membantu pencari kerja mendapatkan pekerjaan, langkah-langkah berikut yang diambil oleh KSM dan lain-lain agensi Kerajaan adalah seperti berikut:

- i. Memberi peluang kepada graduan menganggur untuk berkhidmat sebagai Pegawai Khidmat Singkat (PKS) dan Guru sandaran yang diselaraskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan Kementerian Pelajaran.
Kerajaan

telah bersetuju pegawai PKS dilanjutkan perkhidmatan untuk selama 1 tahun lagi.

- ii. *Industrial Skills Enhancement Program (INSEP)* oleh Kementerian Kewangan,
- iii. *Graduate Employability Management Scheme (GEMS)* oleh Khazanah Nasional.
- iv. *Business Process Outsourcing Programme* oleh Kementerian Pengajian Tinggi,
- v. Program Tunas Mekar di mana siswazah ditempatkan di Perindustrian Kecil dan Sederhana yang terpilih selama setahun disamping kursus keusahawanan selama 3 hari oleh Universiti Teknologi MARA (UiTM),
- vi. Program Siswazah industri Pembinaan oleh *Construction Industry Development Board (CIDB)* di mana graduan dalam bidang yang berkaitan yang belum bekerja di beri latihan
- vii. *SME-University Internship Programme* yang diselaras oleh Kementerian Pengajian Tinggi
- viii. *Malaysia Graduate Trainee Programme (GTP)* oleh Multimedia Development Corporation (Mdec),
- ix. Program Pembangunan usahawan Siswazah oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA),
- x. *SC Executive Enhance and Development (SEED)* oleh Suruhanjaya Sekuriti yang melatih graduan bagi memenuhi keperluan tenaga kerja mahir dan berpengetahuan.

4. Bagi makluman Dewan Yang Mulia ini, Kementerian Sumber Manusia melalui portal *JobsMalaysia* membantu para graduan untuk mendapatkan pekerjaan. Perkhidmatan ini diberi secara percuma.

SOALAN NO: 34

**PEMBERITAHU
PERTANYAAN DEWAN
RAK
YAT,
MAL
AYSI
A LISAN**

**YB DR. LO' LO' BINTI MOHAMAD
GHAZALI [TITIWANGSA]**

PERTANYAAN ISNIN, 29 NOVEMBER 2010

DARIPADA 10 [PR-1233-L40022]

TARIKH

RUJUKAN SOALAN

**Dr. Lo' Lo' binti Mohamad Ghazali [Titiwangsa] minta
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN
KESEJAHTERAAN BANDAR menyatakan status kedudukan
Keramat Mall yang masih tidak berfungsi sehingga kini, berapa kos
senggaraan bulanan dan berapa sebenarnya kerugian yang**

ditanggung DBKL kerana terus membiarkan Keramat Mall tidak beroperasi.

SOALAN NO: 34

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Titiwangsa, Kompleks Keramat Mall masih belum digunakan kerana Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sedang melakukan kerja-kerja penambahbaikan seperti yang diminta oleh para peniaga yang bakal dipindahkan ke kompleks ini. Kerja-kerja penambahbaikan itu adalah seperti yang telah dijawab kepada Yang Berhormat bagi Titiwangsa berhubung dengan perkara yang sama dalam Mesyuarat Ketiga Penggal Kedua Dewan Rakyat pada November tahun lalu.

Mengenai kos penyelenggaraan bulanan, DBKL membayar RM16,000 sebulan kepada pembekal perkhidmatan kawalan keselamatan dan kos utiliti sebanyak RM5,800 sebulan.

PEMBERITA
HU
DEWAN RAKYAT. MALAYSIA
N

PERTANYAAN LISAN
DARIPADA DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD
KAWASAN KUALA
TARIKH SELANGOR
 29.11.2010 (Isnin)

NO. SOALAN

DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan tentang langkah-langkah konkrit yang bakal diambil oleh Kerajaan bagi menjana pelaburan swasta USD410 bilion dalam 10 tahun bagi menggerakkan Program Transformasi Ekonomi (ETP) memandangkan penurunan FDI negara sebanyak 81 peratus dalam World Investment Report (WIR) dan kejatuhan Malaysia sebanyak 2 tangga dalam “Global Competitive Report” (World Economic Forum).

Jawapan:

Tuan Yang Dipertua,

Program Tranformasi Ekonomi (ETP) diperkenalkan untuk

menjana ekonomi demi memacu Malaysia ke arah Negara

berpendapatan tinggi menjelang 2020. ETP akan melengkapi Rancangan Malaysia ke-10, Model Baru Ekonomi dan prinsip 1 Malaysia: Rakvat didahulukan, Pencapaian diutamakan.

Sebanyak 12 Aktiviti Ekonomi Utama Nasional (NKEA) telah dikenalpasti di bawah ETP yang berpotensi besar untuk menyumbang secara langsung kepada pertumbuhan pelaburan swasta dan seterusnya memacu pertumbuhan ekonomi negara. NKEA tersebut adalah perkhidmatan kewangan: perdagangan borong dan runcit; pelancongan: perkhidmatan perhiagaan: minyak dan gas: elektrik dan elektronik: pendidikan: peniagaan kesihatan swasta; teknologi maklumat dan komunikasi: minyak sawit dan produk berkaitan: pertanian: dan Greater Kuala Lumpur.

Dengan pelaksanaan ETP, sebanyak 131 projek permulaan (Entry Point Projects-EPP) bernilai RM442 billion dan 60 peluang perniagaan bernilai RM359 bilion telah dikenalpasti bagi pelaburan langsung. Program-program yang bakal dilaksanakan di bawah ETP ini dijangka akan menghasilkan pelaburan swasta purata sebanyak RM115 bilion setahun.

Projek-projek dan inisiatif-inisiatif ini telah dikenalpasti antara pihak Kerajaan dan sektor swasta berdasarkan analisis kewangan dan ekonomi yang terperinci yang

dijalankan dalam makmal NKEA bagi memastikan pulangan pelaburan yang maksimum dan menjadikan Malaysia sebuah negara berpendapatan tinggi yang mapan dan terangkum.

Tuan Yang DiPertua,

Untuk mencapai sasaran pelaburan langsung ini, Kerajaan telah mengumumkan beberapa langkah termasuk perubahan penting yang akan dilakukan ke atas Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) seperti berikut:

- (a) mengkorporatkan MIDA bagi membolehkannya mempunyai fleksibiliti yang diperlukan untuk menarik dan mengekalkan bakat yang diperlukan supaya menjadi agensi pelaburan yang kompetitif di peringkat antarabangsa;
- (b) memperkasakan MIDA untuk berunding terus dengan bakal pelabur bagi projek yang disasarkan; dan

(c) menjadikan MIDA sebagai pusat sehenti untuk mempromosikan pelaburan bagi sektor perkilangan dan perkhidmatan (kecuali perkhidmatan utiliti dan kewangan) bagi meningkatkan penvelarasan dan kesepaduan pelbagai badan promosi pelaburan dalam negara.

Selain dari itu, satu Jawatankuasa Pelaburan Program Transformasi Ekonomi juga turut diwujudkan di Kementerian ini dengan kerjasama Unit Pengurusan Prestasi Pelaksanaan (PEMANDU) bagi memastikan sasaran pelaburan yang ditetapkan sebanyak purata RM115 bilion setahun di bawah RMKe-10 dapat dicapai.

DARIPADA

TUAN AZAN BIN ISMAIL

(INDERA MAHKOTA)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH 29.11.2010

Tuan Azan bin Ismail (Indera Mahkota) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan statistik terkini peminjam bank yang melibatkan pembelian kenderaan serta berapakah bilangan yang telah dan sedang menghadapi hukuman kebangkrapan akibat ketidakupayaan membayar balik pinjaman mereka.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pinjaman terkumpul bank kepada sektor isi rumah untuk pembelian kenderaan mencatatkan pertumbuhan tahunan sebanyak 8.9% kepada RM112.6 bilion pada akhir September 2010. Jumlah ini merupakan 23.7% daripada jumlah pinjaman bank kepada sektor isi rumah.

2. Jumlah individu yang dikenakan hukuman bankrap akibat ketidakupayaan membayar balik pinjaman kenderaan telah menunjukkan peningkatan yang sederhana kepada 3,678 pada akhir tahun 2009 daripada 3,085 pada akhir tahun 2008 (sumber Jabatan Insolvensi Malaysia). Bagaimanapun, nisbah pinjaman tak berbayar sektor isi rumah bagi pembelian kenderaan masih berada pada kadar yang terurus, iaitu 1.3% pada akhir bulan September 2010. Secara keseluruhannya, keupayaan membayar balik hutang oleh isi rumah dijangka kekal terkawal.

3. Bank Negara Malaysia akan memperkenalkan Program Keupayaan Kewangan sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk meningkatkan tahap celik kewangan dan menggalakkan pengurusan kewangan dan hutang yang kukuh oleh rakyat Malaysia. Program ini ditawarkan oleh Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit melalui cawangannya di seluruh negara mulai bulan Januari 2011. Langkah ini akan menyumbang kepada pengukuhan kedudukan

kewangan isi rumah dan memastikan jumlah hutang adalah setara dengan kemampuan mereka, termasuk keupayaan untuk menampung perubahan dalam kadar faedah dan ketidaktentuan yang mungkin berlaku terhadap paras pendapatan dan perbelanjaan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH Y.B.

DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ

[SUNGAISIPUT]

TARIKH : 29 NOVEMBER 2010

SOALAN : 37

Dr. Michael Jeyakitmar Devaraj [Sungai Siput] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan mengapa kos perkhidmatan sokongan oleh Faber Medi-Serve, Radicare dan Pantai Medivest telah melambung dari RM 340 juta dalam tahun 1997 ke RM 1,000 juta untuk tahun 2009. Apakah Kerajaan berhasrat menyambung kontrak pada 3 syarikat ini selepas Oktober 2011.

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak Kerajaan telah menandatangani Perjanjian Konsesi dengan syarikat Faber Medi-Serve, Radicare dan Pantai Medivest pada 28 Oktober 1996 bagi membolehkan syarikat-syarikat berkenaan melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan fasiliti dan peralatan perubatan, pembersihan, pembekalan linen dan pendobian serta pengurusan sisa klinikal untuk tempoh konsesi selama 15 tahun. Merujuk kepada soalan YB Sungai Siput, kos perkhidmatan sokongan yang dilaksanakan oleh syarikat-syarikat berkenaan telah meningkat disebabkan faktor-faktor berikut:

- i. Pembinaan hospital dan institusi kesihatan yang baru dan gantian. Pada tahun 1997, bilangan hospital dan institusi kesihatan di seluruh negara adalah sebanyak 127 buah berbanding tahun 2009, sebanyak 148 diuruskan oleh syarikat-syarikat berkenaan. 14 buah hospital baru dan 7 buah institusi kesihatan baru serta 12 buah hospital gantian telah dibina sepertimana di lampiran yang disertakan.
- ii. Pertambahan fasiliti dan peralatan baru di hospital dan institusi kesihatan seluruh negara. Pada tahun 1997 bilangan fasiliti yang terdapat di hospital dan institusi

kesihatan adalah sebanyak 250,000 unit dan telah bertambah kepada 405,848 unit pada tahun 2009. Manakala bagi peralatan perubatan pula, bilangan tersebut telah bertambah daripada 81,254 unit pada tahun 1997 kepada 196,561 unit pada tahun 2009.

- iii. Dengan adanya pembinaan hospital dan institusi baru dan gantian serta pertambahan aset fasiliti dan peralatan perubatan yang baru menyebabkan pertambahan keluasan kawasan pembersihan, peningkatan dalam pembekalan linen dan peningkatan kuantiti sisa klinikal yang perlu diuruskan. Semua pertambahan dan perubahan ini menyumbang kepada peningkatan kos perkhidmatan sokongan hospital yang dilaksanakan oleh syarikat-syarikat berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman YB Sungai Siput, syarikat-syarikat berkenaan ada mengemukakan permohonan untuk mengkaji semula kadar yuran perkhidmatan sokongan (fee review) sebagaimana yang dibenarkan dalam Perjanjian Konsesi setiap 3 tahun, walau bagaimanapun permohonan tersebut tidak disokong oleh Kerajaan dan syarikat-syarikat berkenaan masih menggunakan kadar yuran tahun 1996 untuk melaksanakan perkhidmatan sokongan.

Tuan Yang di-Pertua,

Syarikat Faber Medi-Serve, Radicare dan Pantai Medinvest telah mengemukakan permohonan perlanjutan konsesi kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pada Oktober 2009 sebagaimana yang ditetapkan dalam Perjanjian Konsesi. Kerajaan sedang melaksanakan satu kajian khas bagi mengkaji keberkesanan pelaksanaan penswastan tersebut. Hasil daripada kajian khas tersebut, pihak Jabatan Perdana Menteri (JPM) akan menyediakan Kertas Kabinet bagi membolehkan Mesyuarat

Jemaah Menteri membuat keputusan mengenai penswastan perkhidmatan sokongan hospital serta pihak-pihak yang akan melaksanakan penswastan tersebut jika ia diteruskan.

PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT

PERTANYAAN LISAN
DARI PADA TUAN LIM GUAN ENG
TARIKH 29 NOVEMBER 2010

SOALAN

Minta Perdana Menteri menyatakan berapakah jumlah keuntungan FELDA dari penjualan minyak kelapa sawit dari 1990 hingga Jun 2010 dan berapa banyakkah dividen yang diagihkan kepada peneroka-peneroka FELDA.

JAWAPAN

DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN TIMBALAN MENTERI
DI JPM

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, FELDA melalui ladang tanpa peneroka menjual hasil buah tandan segar (BTS) kepada FELDA Palm Industries Sdn Bhd (FPI) iaitu sebuah syarikat yang memproses hasil BTS. Adalah dianggarkan sebanyak 70 peratus (%) daripada hasil sawit yang diterima oleh kilang FPI adalah daripada kebun peneroka dan ladang-ladang FELDA.

Keuntungan yang dijana oleh FPI akan disalurkan melalui pengisytiharan dividen kepada pemegang sahamnya iaitu FELDA Holdings Berhad (FHB) dan Koperasi Permodalan FELDA Berhad (KPF).

Rumusan keuntungan ladang tanpa peneroka FELDA bermula tahun 2009 sehingga 2004 adalah seperti berikut. Tahun 2004, lebihan pendapatan selepas cukai adalah RM811.22 juta, 2005 (RM602.54 juta), 2006 (RM627.74 juta), 2007 (RM1,143.01juta), 2008 (RM1,473.41) dan 2009 (RM765.77).

FELDA tidak mengisytiharkan dividen secara terus kepada peneroka. Bagaimanapun, FELDA telah membelanjakan sebahagian besar dari keuntungan yang diperolehi bagi membiayai aktiviti yang berkaitan dengan peneroka, antaranya:-

- i) Perbelanjaan berkaitan peneroka antaranya seperti aktiviti sosio-ekonomi, bantuan aktiviti luar bandar, Bonus Insentif Produktiviti Peneroka, pinjaman saham Koperasi Permodalan FELDA, sumbangan hari raya, tuntutan insuran dan perbelanjaan perumahan berjumlah RM2.41 bilion;**
- ii) Perbelanjaan pembangunan tanam semula termasuk pinjaman sara hidup dan pendahuluan hasil berjumlah RM2.42 bilion;**
- iii) Pinjaman tanpa riba' kepada 19,546 peneroka bagi program pembesaran rumah dan pembaikan rumah peneroka berjumlah RM603 juta;**
- iv) Perbelanjaan program basmi kemiskinan Sabah berjumlah RM269 juta;**
- v) Perlaksanaan Projek Perumahan Warga FELDA sebanyak RM134 juta.**

FELDA telah menubuhkan Koperasi Permodalan FELDA (KPF) di mana melalui KPF semua warga FELDA diberi peluang secara adil untuk turut serta memiliki ekuiti dalam syarikat-syarikat FELDA melalui pegangan saham dalam KPF.

Setiap tahun, KPF mengagihkan dividen yang diperolehi kepada anggota berdaftar. Sehingga 31 September 2010, 87.92 peratus (%) anggota yang berdaftar merupakan anggota dari kalangan warga peneroka. Secara purata sejak tahun 2005 dividen yang diterima adalah 14.4% dengan pecahan 14% pada tahun 2005, 15% (2006), 16.5%(2007), 12.5%(2008) dan 14% pada tahun 2009. Jumlah dividen yang diterima sejak tahun 2005 adalah RM769.36 juta dengan pecahan RM98.86 juta pada tahun 2005, RM126.05 (2006), RM 178.20 juta (2007), RM156.25 juta (2008) dan RM210 juta pada tahun 2009.

NO. AUM

NO. AUP : *A

**MEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

DARIPADA LISAN

**TARIKH DATO' DR. HAJI MOHD HAY ATI BIN OTHMAN
[PENDANG]**

RUJUKAN 29 NOVEMBER 2010

3121

SOALAN:

Dato' Dr. Haji Mohd Hayati Bin Othman [Pendang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah rasional Kerajaan membenarkan FBI mengadakan persidangan di negara ini pada 19 hingga 22 Julai 2010, apakah syarikat yang menjadi penganjur, jumlah perbelanjaan dan setakat mana PDRM terlibat di dalam persidangan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Pendang yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, persidangan ke-13 FBI National Academy Association (FBI NAA) Asia Pacific Chapter Conference telah diadakan pada 19 hingga 23 Julai 2010 di Kuala Lumpur di mana PDRM dan bekas pegawai-pegawai kanan PDRM yang pernah mengikuti kursus di akademi tersebut adalah ahli kepada persatuan ini. Malaysia telah dipilih sebagai tuan rumah hasil daripada keputusan persidangan ke 9 pertubuhan tersebut yang telah diadakan di Canberra, Australia pada 2006.

Tuan Yang Dipertua,

Tidak ada pihak lain yang terlibat dalam penganjuran persidangan tersebut. Persidangan tersebut hanya dianjurkan secara bersama oleh PDRM dan FBI NAA Asia Pacific Chapter melalui FBI NAA Malaysia. Perbelanjaan yang telah disalurkan oleh Kerajaan bagi pembiayaan persidangan tersebut adalah sebanyak RM80,000 dan perbelanjaan selebihnya ditanggung oleh persatuan tersebut. Hasil daripada persidangan tersebut sememangnya memberikan kesan

positif dalam mempertingkatkan kerjasama pasukan-pasukan polis diantara negara-negara ahli dan agensi-agensi penguatkuasaan yang terlibat di peringkat nasional, serantau dan global.

W

DARIPADA **DATO' SERI MOHAMMAD NIZAR BIN**
JAMALUDDIN [BUKIT GANTANG]

PERTANYAAN : **LISAN**

TARIKH **29.11.2010**

Dato' Seri Mohammad Nizar bin Jamaluddin [Bukit Gantang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah pemberian bonus hari raya sebanyak RM500 seorang kepada semua penjawat awam persekutuan baru-baru ini termasuk dalam Bajet 2010 dan berapakah jumlah sebenar keseluruhan yang diberi.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pemberian bantuan khas kewangan kepada anggota perkhidmatan awam persekutuan serta

pesara dan penerima pencen Kerajaan telah dibuat kali pertama sebanyak RM500 pada penghujung Ogos 2010 yang lalu bertujuan meringankan beban kos persediaan menyambut Hari Raya Aidil Fitri. Jumlah perbelanjaan yang terlibat bagi pembayaran bantuan khas kewangan ini adalah sebanyak RM934.6 juta membabitkan 1.243 juta penjawat awam serta 590 ribu pesara dan penerima pencen Kerajaan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

1

Pemberian bantuan khas kewangan kali kedua sebanyak RM500 yang diumumkan dalam pembentangan bajet 2011 baru-baru ini bertujuan meringankan beban penjawat awam untuk menampung perbelanjaan persiapan persekolahan. Pembayaran yang akan dibuat pada bulan Disember 2010 ini dianggarkan melibatkan implikasi kewangan yang hampir sama dengan jumlah pemberian bantuan khas kewangan kali pertama pada bulan Ogos 2010.

Untuk makluman Yang Berhormat, pembayaran bantuan khas kewangan kepada penjawat awam telah mengambil kira kedudukan hasil, keadaan ekonomi dan paras defisit negara. Oleh itu, implikasi kewangan yang dianggarkan sebanyak RM1.86 bilion akan dibiayai melalui peruntukan sedia ada kementerian/jabatan/agensi. Bagi Kementerian/Jabatan yang tidak mempunyai peruntukan sedia ada yang mencukupi, peruntukan tambahan akan disediakan bagi tujuan tersebut.

PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA

SOALAN (41)

PERTANYAAN : LISAN
DARI PADA : Y. B. TUAN TAN KOK WAI
(CHERAS)
TARIKH : 29 NOVEMBER 2010
(ISNIN)

SOALAN

Y.B. TUAN TAN KOK WAI (CHERAS) minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan harga jualan rumah semakin meningkat di bandar-bandar utama seperti Lembah Klang, Pulau Pinang dan Johor Bahru sejak kebelakangan ini, apakah strategi yang dirancang oleh Kerajaan untuk mengurangkan kadar harga rumah serta apakah bantuan yang Kerajaan sediakan untuk para pembeli yang berpendapatan sederhana dan rendah untuk membelinya.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini, Kerajaan hanya

mengawal harga rumah kos rendah manakala harga bagi lain-lain jenis rumah adalah ditentukan oleh keadaan pasaran terbuka. Untuk mengelakkan berlakunya spekulasi pasaran, Kerajaan telah memperkenalkan Cukai Keuntungan Harta Tanah (*Real Property Gain Tax*) yang lebih tinggi kepada pemilik rumah yang menjual semula rumah dalam tempoh yang singkat

Bagi pembeli berpendapatan sederhana dan rendah, Kerajaan dengan kerjasama pihak swasta akan terus menyediakan kemudahan perumahan-perumahan kos rendah dan sederhana bagi tujuan pemilikan atau penyewaan. Kerajaan juga telah bersetuju untuk menawarkan pembelian unit-unit Projek Perumahan Rakyat (PPR) Disewa kepada penyewa-penyewa yang layak. Selain itu, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) juga menyediakan kemudahan bagi membantu golongan berpendapatan rendah untuk membina dan memiliki rumah melalui Skim Pinjaman Perumahan (SPP) yang ditawarkan.

Di dalam pembentangan Bajet 2011, Kerajaan telah memperkenalkan Skim Rumah Pertamaku bagi membantu golongan berpendapatan isi

rumah kurang daripada RM3000.00 sebulan. Melalui skim yang diperkenalkan ini, Kerajaan akan menawarkan jaminan ke atas bayaran pendahuluan sebanyak 10 peratus bagi harga rumah di bawah RM220 ribu. Dengan adanya skim tersebut, ia akan dapat membantu meningkatkan aksesibiliti rakyat dalam pemilikan rumah.

Kementerian
Perumahan dan
Kerajaan Tempatan
November 2010

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHUAN

PERTANYAAN DEWAN

PERTANYAAN
DARIPADA RAKYAT

LISAN

DATO' SERI ZAHRAIN MOHAMED HASHIM
(BAYAN BARU)

TARIKH

29 NOVEMBER 2010 (SELASA)

SOALAN

DATO' SERI ZAHRAIN MOHAMED HASHIM
minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI
AS AS TANI menyatakan:

Sejauh mana keberkesanan perancangan Kerajaan dalam mempertingkatkan pengeluaran padi dan beras Negara agar sekurang-kurangnya mampu menampung permintaan dalam Negara.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,
Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Beras adalah merupakan makanan asasi dengan izin '*Staple food*' bagi rakyat Malaysia. Oleh itu dalam setiap Rancangan 5 Tahun Malaysia (RMK), Kerajaan telah menyediakan peruntukan yang mencukupi untuk meningkatkan hasil pengeluaran beras Negara. Antara langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan untuk meningkatkan hasil pengeluaran beras Negara ialah:

- a) Meningkatkan kemudahan infrastruktur sistem pengairan yang terdapat di dalam kawasan jelapang supaya tanaman padi mendapat bekalan air yang secukupnya mengikut masa yang ditetapkan;

- b) Meneruskan pemberian input pertanian kepada petani untuk mengurangkan kos pengeluaran padi melalui pemberian subsidi baja, racun, kapur, perataan tanah dan upah bajak;
- c) Meneruskan pemberian insentif pengeluaran padi dan peningkatan hasil padi sebagai galakan kepada petani supaya berusaha untuk meningkatkan hasil pengeluaran;
- d) Mengadakan majlis penerangan dan dialog dengan petani bertujuan memberi galakan kepada mereka supaya mengamalkan pertanian secara tepat dengan izin *precision farming* yang dapat membantu mereka meningkatkan hasil pengeluaran;
- e) Menyediakan kemudahan pengairan bagi kawasan luar jelapang supaya petani dapat menanam padi 2 kali setahun; dan
- f) Kerajaan melalui Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) akan memperkenalkan varieti baru padi yang tahan rintangan penyakit dan mengeluarkan hasil yang tinggi.

Melalui pelaksanaan program ini hasil pengeluaran padi di Malaysia telah menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan. Pengeluaran padi di Malaysia telah mencatatkan peningkatan daripada 2,353,032 tan metrik pada tahun 2008 kepada 2,460,445 tan metrik pada tahun 2009. Pengeluaran padi ini dijangka akan terus meningkat menjelang tahun 2010. Jabatan Pertanian mengunjurkan bahawa Malaysia mampu mengeluarkan sebanyak 2,500,000 tan metrik padi pada penghujung tahun 2010.

NO. SOALAN : 43

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN GOBALAKRISHNAN A/L NAGAPAN

TARIKH 29 NOVEMBER 2010

SOALAN:

Tuan Gobalakrishnan a/l Nagapan [Padang Serai] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah pelajar anak-anak Sabah yang diberikan biasiswa JPA, MARA dan PETRONAS bagi melanjutkan pelajaran ke luar negara pada tahun 2008, 2009 dan 2010. Dari jumlah tersebut, berapa ramaikah mengikut kaum, dari kawasan Parlimen Padang Serai, Kapit, Hulu Rejang dan Lumut.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Jumlah pelajar anak-anak Sabah yang diberikan biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bagi melanjutkan pengajian ke luar negara di bawah Program Ijazah Luar Negara (PILN) mengikut kaum dan tahun adalah seperti berikut:

JUMLAH PELAJAR ANAK-ANAK SABAH YANG DITAWARKAN BIASISWA JPA DI LUAR NEGARA MENGIKUT KAUM DARI TAHUN 2008 HINGGA 2010			
KAUM	2008	2009	2010
Bumiputera	42	94	102
Bukan Bumiputera	24	11	7
JUMLAH	66	105	109

Tiada pelajar anak Sabah yang ditawarkan PILN berdasarkan kawasan Parlimen Padang Serai, Kapit, Hulu Rejang dan Lumut.
Sekian. Terima kasih.